



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### KENYATAAN MEDIA

#### KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENINGATKAN BADAN PENGURUSAN PENGEBUMIAN SELAIN ORANG ISLAM UNTUK SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 TOTAL LOCKDOWN

21 Jun 2021, Putrajaya – Kementerian Perpaduan Negara mengingatkan Badan Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam untuk sentiasa mematuhi Operasi Standard (SOP) Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam dalam tempoh PKP 3.0 *Total Lockdown* (1 Jun hingga 28 Jun 2021) bagi membolehkan upacara pengebumian dilaksanakan sepanjang tempoh ini.

2. SOP Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam telah memperuntukkan syarat-syarat ketat bagi upacara pengebumian seperti berikut:

AKTIVITI	SYARAT NYATA
Pengurusan Persiapan Mayat	Dibenarkan <b>TIDAK LEBIH</b> 5 orang <b>AHLI KELUARGA</b>
Penghormatan Terakhir di Rumah Kediaman / Tanah Perkuburan / Krematorium	Dibenarkan <b>TIDAK LEBIH</b> 10 orang <b>AHLI KELUARGA</b>
Upacara Melepaskan Abu Mayat	Dibenarkan <b>TIDAK LEBIH</b> 5 orang <b>AHLI KELUARGA</b>
Perarakan	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
Jamuan ‘Dine-in’	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>

3. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara amat kesal dengan insiden perarakan mayat di Pulau Pinang dan Kedah yang melanggar SOP dan telah tular dalam media sosial. Insiden ini akan membawa risiko penularan wabak COVID-19 di dalam komuniti. Kementerian akan membatalkan permit operasi sekiranya ada Badan Pengurusan Pengebumian Selain Orang Islam yang melanggar SOP yang telah ditetapkan.
4. YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique turut mengingatkan semua pihak supaya sentiasa bertanggungjawab mematuhi SOP PKP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan upacara pengebumian dapat dilaksanakan dalam tempoh PKP ini. Kerjasama semua rakyat Malaysia dalam mematuhi SOP PKP yang ditetapkan adalah amat dihargai dalam usaha untuk memerangi pandemik wabak COVID-19.

**Kementerian Perpaduan Negara**

21 Jun 2021

-TAMAT-

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569  
E-mail: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (75)